

Headline	Lelaki dakwa ahli keluarga terkandas di Madinah		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	23	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	126 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,490
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,471



Lelaki dakwa ahli keluarga terkandas di Madinah

IPOH 4 Jun - Seorang lelaki mendakwa empat ahli keluarganya kini terkandas di Madinah, Arab Saudi setelah sebuah syarikat yang sepatutnya menguruskan jemaah umrah, gagal melunaskan bayaran penginapan mereka.

Menurut Mohd. Radzi Ibrahim, 43, kegagalan syarikat berkenaan menyebabkan ibu mentua, dua ibu saudara dan seorang sepupunya yang dijadualkan pulang ke tanah air kelmarin, terkandas bersama 256 jemaah lain.

Dakwanya, dia dimaklumkan bahawa dokumen perjalanan kesemua jemaah itu kini ditahan oleh pihak hotel sebagai cagaran sehingga bayaran tersebut dilunaskan.

"Pada mulanya saya memang ragu-ragu dengan syarikat yang beribu pejabat di Taiping itu kerana mereka menawarkan pakej umrah dengan harga murah bernilai RM3,850 seorang.

"Lebih menghairankan apabila perjalanan umrah yang sepatutnya dijadualkan pada Mac lalu telah tertangguh enam kali," katanya ketika datang ke pejabat

Utusan Malaysia, di sini hari ini.

Menurutnya, dia ada menghubungi syarikat berkenaan bagi mendapatkan penjelasan lanjut namun usaha tersebut gagal apabila panggilan yang dibuat tidak dijawab pihak berkenaan.

Katanya, selain bimbang dengan keadaan kesihatan ahli keluarganya itu, dia juga gusar apabila tempoh visa mereka tamat kelmarin.

"Tbu saudara saya memberitahu, mereka yang sepatutnya pulang kelmarin telah dipaksa keluar oleh pihak hotel.

"Berikutan itu saya telah membuat laporan polis hari ini dan menghubungi pejabat agama berhubung perkara ini.

"Wakil Exco Agama negeri juga ada menghubungi saya dan memaklumkan pihak Lembaga Tabung Haji (TH) sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah itu," katanya.

Tambahnya, setelah menghubungi TH, dia diberitahu bahawa syarikat tersebut tidak berdaftar dengan mereka dan hanya merupakan sebuah agensi pelancongan biasa.



MOHD. RADZI IBRAHIM